

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 APRIL 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3

RM1 bilion bantu syarikat Malaysia

RM1 bilion bantu syarikat Malaysia

Dari muka 1

Sidang tersebut juga mempunyai matlamat selari dengan wawasan jangka panjang Malaysia iaitu menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan bernilai tinggi menjelang 2030.

KL20 juga berhasrat untuk menjadi sebuah pusat keusahawanan dan inovasi terkemuka di ASEAN dengan beralih daripada perindustrian kos rendah berdasarkan komoditi kepada ekonomi berdasarkan teknologi.

Menurut Anwar, KL20 dirangka secara strategik selari dengan Kerangka Ekonomi Madani bagi mengalui alukan pelaburan berkualiti tinggi dan bernilai tinggi dari seluruh dunia, selain memartabatkan usahawan tempatan ke peringkat global.

Sementara itu, Perdana Menteri memaklumkan, pelaburan antarabangsa menyifatkan ketika ini masa yang tepat untuk melabur di Malaysia.

Katanya, ini kerana kestabilan dan tadbir urus yang baik ditunjukkan kerajaan hari ini termasuk sifat pro-perdagangan dan pendirian neutral oleh Malaysia.

Susulan itu, Anwar berkata, negara menerima pelaburan daripada 25 entiti yang terlibat dalam persekitaran syarikat pe-



ANWAR Ibrahim pada pelancaran Sidang Kemuncak KL20 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. Turut sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof (dua kiri) dan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli (dua kanan). - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

mula yang sekali gus memberi peluang sebenar kepada Malaysia untuk mencipta usaha niaga teknologi termaju.

"Pelaburan hari ini termasuk dana kekayaan negara, seperti Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dan Blue

Chip Venture Capital yang akan melabur sehingga RM3. bilion dalam Ekosistem Asia Tenggara dan Malaysia di bawah Inisiatif Pelaburan ASEAN," katanya.

Dalam ucapan sama, Anwar turut mengumumkan hasrat Malaysia menujukan hab reka bentuk litar bersepadu (IC)

terbesar Asia Tenggara di Selangor.

Jelasnya, usaha itu dilakukan dengan sokongan Perbadanan Teknologi Maklumat & Ekonomi Digital Selangor (Sidec), Kerajaan Negeri Selangor, selain kerjasama syarikat global.